

| | | | |
|------------|-----------------------|-------------|---------------------|
| Headline | 'ELAK ROSAK REPUTASI' | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 08 Apr 2014 | Color | Full Color |
| Section | Sukan | Circulation | 138,805 |
| Page No | L-52,51 | Readership | 1,048,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 273 cm ² |
| Journalist | Hazwan Faisal Mohamad | AdValue | RM 9,207 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,621 |



'ELAK ROSAK REPUTASI'

» MB Negeri Sembilan harap SUKMA-17 di Perlis tiada lagi kontroversi

Oleh Hazwan Faisal Mohamad

► Seremban

Temasya Sukan Malaysia (SUKMA 2014) di Perlis pada 24 Mei hingga 4 Jun ini, diharap akan bebas daripada sebarang isu kontroversi seperti keputusan pengadilan kurang tepat dan tidak memuaskan.

Ketika menyuarakan perkara itu, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan

berkata, kejadian itu yang sering berlaku dalam temasya terdahulu terutama membabitkan sukan subjektif, menimbulkan rasa tidak puas hati banyak pihak khususnya kontinjen negeri bertanding.

Bercakap kepada wakil media selepas menerima kunjungan delegasi SUKMA edisi ke-17 Perlis yang diketuai Menteri Besar Perlis, Azlan Man di Wisma Negeri, di sini, semalam, beliau berkata jika isu itu tidak ditangani, ia boleh merosakkan temasya berkenaan.

Kontinjen kecewa

"Saya harap isu ini dapat diteliti dengan lebih baik oleh Jawatankuasa SUKMA dan diharap tidak berulang lagi pada temasya akan datang (di Perlis) kerana kebanyakan kontinjen berasa kecewa dengan keputusan tidak adil dibuat oleh pengadil membatikan sukan subjektif.

"Saya percaya perkara ini dapat ditangani dengan baik oleh Majlis Sukan Negara (MSN) atau persatuan sukan berkaitan. Seharusnya persatuan sukan masing-masing perlu mengambil iktibar daripada kejadian pada temasya SUKMA lalu, kerana jika tidak ditangani ia akan merosakkan reputasi temasya itu sendiri," katanya.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, tuan rumah seperti Perlis, sebenarnya tidak boleh dipersalahkan dalam isu berkenaan kerana mereka hanya dipertanggungjawabkan menyediakan kemudahan gelanggang, keperluan makan minum dan penginapan setiap kontinjen. **● Sukan 51**

| | | | |
|------------|-----------------------|-------------|---------------------|
| Headline | 'ELAK ROSAK REPUTASI' | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 08 Apr 2014 | Color | Full Color |
| Section | Sukan | Circulation | 138,805 |
| Page No | L-52,51 | Readership | 1,048,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 273 cm ² |
| Journalist | Hazwan Faisal Mohamad | AdValue | RM 9,207 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,621 |

'Pastikan pengadil berwibawa, berdisiplin'

🔍 Dari muka 52

Sebaliknya, katanya, persatuan sukan yang memilih pengadil untuk menjalankan tugas pengadilan pada temasya sukan terbesar itu nanti perlu memastikan mereka dari kalangan berwibawa dan mencapai

tahap disiplin tinggi.

"Jika persatuan sukan tidak dapat mendisiplinkan pengadil masing-masing, ia adalah satu perkara yang amat malang kerana ia akan memberi kesan kepada setiap kontinjen yang mengambil bahagian sekali gus isu ketelusan dalam pengadilan sukan tidak akan dapat diselesaikan," katanya.

Dalam pada itu, Azlan yang turut mengunjungi Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron di Seri Negeri, Ayer Keroh, semalam memberi jaminan semua gelanggang SUKMA-17 akan siap sepenuhnya menjelang temasya itu dan pihaknya sudah bersedia untuk menerima kehadiran kira-kira

10,000 tetamu termasuk lebih 7,000 atlit dan pegawai.

Katanya, ketika ini hanya ada tiga gelanggang yang masih dalam proses persiapan akhir iaitu dewan badminton, kelab golf dan pusat akuatik dan dijangka siap sepenuhnya sebelum temasya bermula.

"Semua infrastruktur itu masih dalam tempoh tanggungan kontraktor. Kebanyakan binaan adalah daripada struktur sedia ada serta kukuh dan hanya perlu di naik taraf. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Arau menjadi tempat penginapan utama kepada lebih 6,500 atlet dan pegawai," katanya.

Skuad T-Team ketika ini memerlukan penyerang terbaik bagi mengisi posisi di bahagian serangan kerana ia masih tumpul"

Syarizan Mohd Zain
Ketua Pegawai Operasi T-Team

| | | | |
|------------|-----------------------|-------------|---------------------|
| Headline | 'ELAK ROSAK REPUTASI' | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 08 Apr 2014 | Color | Full Color |
| Section | Sukan | Circulation | 138,805 |
| Page No | L-52,51 | Readership | 1,048,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 273 cm ² |
| Journalist | Hazwan Faisal Mohamad | AdValue | RM 9,207 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,621 |

